

PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM MEMPELAJARI DAN MENYEBARKAN ILMU QURAN DAN SUNNAH

Danial Irfan Zaharuddin¹
Muhammad Hidayat Suhaimi²
Abdul Syahmi Jamaluddin³
Syed Najihuddin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: danial_irfan@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: hidayat@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: asymij@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Penggunaan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) telah mengalami perkembangan yang pesat, memberikan impak signifikan pada pelbagai aspek kehidupan manusia. Di dalam sudut keagamaan, khususnya dalam kajian Al-Quran dan Sunnah, teknologi telah memberikan peluang baru untuk memahami dan menyebarkan ilmu agama. Sebelum adanya teknologi digital, proses mempelajari Al-Quran dan Hadis terbatas pada metode konvensional, seperti penggunaan buku cetak dan pengajaran langsung. Namun, dengan munculnya aplikasi, laman web, dan media sosial, cara pembelajaran dan penyebaran pengetahuan agama telah mengalami perubahan yang signifikan. Namun, sementara teknologi membawa manfaat, potensi risiko juga perlu diperhatikan seperti penyebaran maklumat palsu atau disinformasi, dan isu-isu keamanan data. Oleh kerana itu, objektif kajian ini dijalankan untuk mengeksplorasi secara mendalam kesan positif dan potensi risiko penggunaan teknologi dalam mempelajari dan menyebarkan ilmu Al-Quran dan Sunnah. Selain itu, memberikan landasan untuk memahami cara memaksimumkan manfaat teknologi dalam agama Islam. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan menganalisis dan mengumpulkan data daripada kajian yang lepas tentang pembelajaran dan penyebaran ilmu agama menggunakan teknologi pada zaman moden ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi, seperti aplikasi media sosial, laman web dan yang lain, telah memberikan impak yang positif dalam memperluas akses terhadap ilmu Quran dan Sunnah. Majoriti kajian menyatakan bahawa teknologi telah memudahkan masyarakat dalam memahami dan menyebarkan ajaran agama, tetapi sejumlah kecil responden menyampaikan kebimbangan terhadap privasi dan data mereka. Kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan teknologi sangat memainkan peranan yang penting dalam mempelajari dan menyebarkan ilmu Quran dan Sunnah seterusnya memberi pemahaman yang mantap kepada masyarakat.

Kata Kunci: Teknologi, Al-Quran, As-Sunnah, kaedah penyebaran, masyarakat.

Pendahuluan

Dalam era yang dipenuhi dengan kemajuan teknologi informasi dan komunikasi (ICT), peranan teknologi telah membawa impak dan kesan yang signifikan dalam pemahaman, penyebaran, dan akses terhadap ilmu Quran dan Sunnah. Penggunaan teknologi dalam konteks kajian agama telah menjadi fokus yang semakin penting seiring dengan berkembangnya platform digital. Kajian tentang penggunaan teknologi dalam mempelajari dan menyebarkan ajaran Al-Quran dan Hadis memunculkan perhatian terhadap bagaimana teknologi mempengaruhi cara kita memahami dan mengakses sumber-sumber keagamaan, serta dampaknya dalam penyebaran ilmu agama kepada masyarakat yang lebih luas.

Perkembangan teknologi telah mengubah arus pembelajaran dan penyebaran ilmu agama, menjadikan sumber-sumber digital sebagai medium utama dalam mempelajari dan memahami ajaran Al-Quran dan Hadis. Kajian ini penting untuk mengetahui potensi dan cabaran penggunaan teknologi terhadap teks-teks suci Islam, termasuk juga mempertimbangkan etika, keamanan, dan keberhasilan dalam menjangkau masyarakat dengan berbagai platform digital. Diharapkan bahwa hasil kajian ini akan memberikan wawasan yang lebih dalam tentang peran teknologi dalam konteks keagamaan, memberikan informasi yang berkaitan dengan penggunaan teknologi yang lebih efektif dalam mempelajari dan menyebarkan ilmu agama, serta memberikan landasan bagi pengembangan lebih lanjut dalam bidang ini.

Kajian Literatur

Penggunaan Teknologi dalam Penyebaran Ilmu Quran dan Sunnah

Kajian bertajuk: “The Role of Technology and Social Media in Spreading the Qur'an and Hadiths by Mubaligh” telah dijalankan oleh Mohammad Hidayaturrahman dan D.I Ansusa Putra (2019) untuk mengetahui bagaimana peranan teknologi dan media sosial dalam penyebaran Al-Quran dan hadis oleh golongan mubaligh. Kajian ini menggunakan pendekatan metodologi kualitatif, manakala kaedah pengumpulan data dengan pemerhatian terhadap aktiviti mubaligh dan da'ie. Kajian ini mendapati bahawa, mubaligh sudah mula menggunakan teknologi dan media sosial untuk pelbagai tujuan dakwah mereka.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Johari Jamal (2022), berjudul “Berbagi Pengetahuan dan Penggunaan Teknologi Informasi dalam prespektif Islam” bertujuan untuk mengeksplorasi berdasarkan perspektif Islam mengenai pengetahuan, berbagi pengetahuan dan faktor motivasi untuk mendorong berbagi pengetahuan berdasarkan sudut pandang Islam sehingga cara lain untuk mendorong praktik berbagi pengetahuan dapat terungkap. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kajian literatur yang bersumber dari Al-Qur'an, Al-Hadits, dan literatur sebelumnya yang relevan. Hasil penelitian menunjukkan bahwa pengetahuan dapat dipelajari dan diperoleh manusia dari berbagai sumber dan tuturan dalam Al-Qur'an dan Al-Hadits.

Seterusnya, kajian berjudul “Spiritualizing New Media: The Use of Social Media for Da'wah Purposes within Malaysian Muslim” oleh Nurul Atiqah Mohd Azlan, Nor Shazni

Zainal Abidin, Suhaimie Saahar @ Saabar dan Norasikin Alimom bertujuan untuk mencari perkaitan antara dakwah dengan dunia atas talian. Satu tinjauan diedarkan kepada pengguna media sosial yang disasarkan di UiTM Shah Alam, dengan jumlah responden seramai 60 orang. Pelajar akan dipilih secara rawak daripada setiap fakulti di bawah kluster dan pautan kepada soal selidik akan disediakan. Daripada kajian ini, kesimpulan dapat dibuat bahawa media sosial merupakan satu medium yang sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat kerana ia boleh mencapai khalayak yang ramai dalam tempoh yang singkat.

Platform Pembelajaran Quran dan Sunnah secara dalam Talian

Hayati Hussin, Abd. Rahman Abd. Ghani, Abdul Rahim Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, dan Noor Hafizah Haridi (2022) telah menjalankan kajian berjudul “Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Medium Teknologi Dalam Kursus Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia” yang bertujuan untuk meneroka dimensi pelajar terhadap penggunaan medium teknologi bagi kursus hafazan al-Quran semasa covid-19 secara analisis pelajar sarjana muda USIM. Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk kajian kes melalui Focus Group Interviews (FGI) yang digunakan kerana menepati objektif kajian. Hasil kajian mendapati terdapat empat tema yang menjadi asas kepada analisis penggunaan teknologi dalam kalangan pelajar prasiswazah di USIM semasa covid-19 iaitu medium teknologi yang digunakan oleh pelajar dalam sesi P&P untuk menghafaz al-Quran adalah melalui pasukan microsoft, aplikasi whatsapp dan aplikasi telegram.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Hajar Hazwani Abdullah (2019) “Innovation in Qur’an Learning Through Websites: A Study on Bayyinah.com” bertujuan untuk menyiasat metodologi pembelajaran al-Qur’ān daripada lima laman web, dengan pembelajaran al-Qur’ān di Bayyinah.com sebagai sampel utama. Kertas kerja ini menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan kaedah dokumentasi dan deskriptif dalam proses pengumpulan data. Kajian telah menghasilkan tujuh tema utama yang berkaitan dengan metodologi pembelajaran al-Qur'an di laman web, iaitu mempelajari abjad Arab, menerangkan dengan nahw, menerangkan dengan grafik, menerangkan dengan contoh, tutorial, imejan al-Qur'an, dan dialog al-Qur'an.

Selanjutnya, menurut Hussin, N. (2017) dalam penulisan jurnalnya yang bertajuk “Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam”. Jurnal ini bertujuan mengenal pasti kepentingan dan keberkesanan penggunaan laman web dan fungsi halaman web terkini dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan metodologi meta-analisis terhadap dokumen yang diterbitkan dari tahun 1990 hingga kini. Dapatan kajian mendapati penggunaan internet dan aplikasi web, bukan sahaja memberi kemudahan kepada pelajar, bahkan kepada guru untuk menyediakan bahan pengajaran serta menyelia aktiviti yang dilakukan oleh pelajar dalam proses pembelajaran.

Kelebihan Media Sosial dalam Menyebarkan Ilmu Quran dan Sunnah

Menerusi Akmal Hadi, et al, (2023) dalam penulisan jurnal yang bertajuk “Keberkesanan Penggunaan Media Sosial Dalam Menyampaikan Dakwah Berlandaskan Alquran & Sunnah”. Kajian ini bermatlamat mengkaji kepentingan penggunaan sosial media dalam menyebarkan

dakwah berlandaskan Al-Quran dan Sunnah. Seterusnya, Kajian ini menggunakan metodologi campuran antara kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik melalui google form, rujukan daripada jurnal-jurnal dan juga melayari internet. Dapatan kajian mendapati penggunaan media sosial sebagai medium dakwah sangat memberi manfaat yang banyak kerana maklumat yang dikongsi itu tanpa sempadan dan tidak terbatas. Impaknya dakwah islam dapat disebar dan diterima secara pantas dan efisien.

Selain itu, menurut Wibowo, A. (2019) dalam penulisan jurnalnya yang bertajuk “Penggunaan Media Sosial Sebagai Trend Media Dakwah Pendidikan Islam di Era Digital”. Jurnal ini bertujuan menerangkan trend dakwah dalam era digital dengan menggunakan media sosial. Platform ini membuat banyak pendakwah tertarik untuk menyampaikan dakwah mereka dengan memanfaatkan kemudahan sosial media. Kajian ini menggunakan pendekatan penelitian deskriptif, kualitatif dengan pengumpulan data secara triangulasi. Dapatan kajian memperolehi, penggunaan media sosial dalam dakwah terhadap santri, mahasiswa, dan alumni menunjukkan respon positif. Konten yang disajikan mengandungi nilai-nilai pendidikan Islam yang sesuai dengan Ahlusunnah wal Jama’ah yang boleh dijadikan panduan, motivasi, dan informasi untuk semua kalangan masyarakat dari anak-anak hingga orang tua dalam menjalani kehidupan seharian.

Akhir sekali, berdasarkan Shaharin, N. S., Jasmi, K. A. (2020) dalam penulisan jurnal mereka yang bertajuk “Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam”, kajian ini bertujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan tentang penggunaan media sosial yang disertakan beberapa hadis sebagai sokongan hujah dalam pembentukan masyarakat Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dalam mencari fakta dan isu semasa yang berkaitan dengan penggunaan media sosial. Hasil daripada kajian mendapati, peranan media sosial dalam era teknologi yang kian membangun ini sangat memberi impak yang besar. Media sosial menjadi salah satu faktor yang memberi ruang kepada masyarakat untuk berinteraksi. Penglibatan masyarakat dalam penggunaan media sosial mempengaruhi pembentukan masyarakat.

Cabaran Dalam Mempelajari Dan Menyebarkan Ilmu Quran Dan Sunnah Di Era Digital.

Menurut Mokhtar, M., & Hassan, H. (2021) dalam sebuah penulisannya yang bertajuk “Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam dalam Kalangan Penduduk Kampung Beserah, Kuantan, Pahang” memberitahu bahawa kajian mereka dilakukan setelah melihat kerancakan penggunaan media sosial sebagai medium dakwah dan penularan dakwah bebas tanpa terkawal melalui media sosial yang dikhuatiri boleh mengundang kekeliruan, terpedaya, penyebaran ajaran sesat dan fahaman ekstremisme. Masyarakat bimbang dengan kesahihan kandungan mesej dakwah dan belum berpuashati dengan kualitasnya. Oleh itu, kajian ini berpeluang melihat sejauh mana tahap penggunaan media sosial sebagai medium dakwah dan implikasi mesej dakwah yang diperolehi daripada media sosial.

Hosni, A., Md Ariffin, M. F., & Ishak, H. (2023) di dalam jurnal mereka yang berjudul, “Editorial Notes: Isu Dan Cabaran Chatgpt Terhadap Pengajian Islam” menerangkan bahawa Penggunaan ChatGPT merupakan satu aplikasi AI baru yang sedang berkembang dalam kalangan masyarakat. Kepintaran ChatGPT dirancang menyerupai kepintaran mirip bahasa

manusia dan mampu memproses data-data teks terdahulu menjadikannya satu aplikasi yang mudah, pantas dan efisien untuk dijadikan platform rujukan. Kecanggihannya mengumpul dan menapis semua data yang terdapat dalam internet sangat membantu golongan agamawan, pelajar bidang Pengajian Islam serta masyarakat Islam mencari penyelesaian bagi suatu permasalahan agama. Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan pada aplikasi ChatGPT ini seperti mengulang-ulang maklumat yang umum, maklumat yang terhad dan maklumat yang tidak tepat. Tujuan utama artikel ini ditulis untuk membincangkan isu-isu dan cabaran Pengajian Islam di era perkembangan teknologi.

Akhir sekali, menurut Tamuri, A. H., & Hussin, N. H. (2017) di dalam artikel mereka yang berjudul “Cabaran Pendidikan Islam Di Era Media Sosial” menjelaskan bahawa media massa dan sosial memberikan impak yang besar dalam pendidikan generasi masa kini. Penulisan ini juga memberi tumpuan kepada penggunaan dan cabarannya media sosial di Malaysia yang semakin berkembang setiap tahun. Tujuan utama artikel ini ditulis untuk membincangkan isu-isu dan cabaran pendidikan di era media sosial. Kajian ini adalah analisis kualitatif yang melihat secara kritikal isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam pendidikan era media sosial berdasarkan kepada literatur dan kajian-kajian yang telah dijalankan.

Adab dan Etika dalam Penggunaan Teknologi.

Menurut Zarman W. (2023) dalam sebuah jurnalnya yang berjudul “Adab terhadap informasi digital sebagai kerangka pikirpendidikan Islam tentang etika penggunaan teknologi informasi” menjelaskan bahawa etika terhadap maklumat digital harus menjadi sebahagian daripada kurikulum pendidikan Islam semasa. Ini kerana teknologi maklumat yang menjadi asas kepada maklumat digital sudah digunakan secara meluas dalam masyarakat. Malangnya, konsep etika yang berkaitan dengan maklumat digital umumnya didominasi oleh pandangan dunia Barat. Walaupun banyak konsep ini berguna, ia tidak sepenuhnya sesuai dengan keperluan umat Islam yang mempunyai pandangan dunia yang berbeza dengan pandangan dunia Barat. Oleh itu, umat Islam perlu merangka konsep etika terhadap maklumat digital berdasarkan pandangan mereka sendiri. Matlamat penyelidikan ini adalah untuk merumuskan adab sebagai rangka kerja bagi etika Islam terhadap maklumat digital.

Juminem J. (2019) di dalam penulisannya “Adab Bermedia Sosial dalam Pandangan Islam”, berpandangan bahawa media sosial seolah-olah sudah menjadi satu keperluan dalam kehidupan manusia, setiap kali manusia mengakses internet untuk berhubung dengan perkembangan berita di media sosial, seperti berita daripada ibu bapa, adik-beradik, rakan-rakan, rakan sekerja, atau berita daripada kumpulan tertentu. Tujuan penulisan artikel itu adalah untuk menganalisis bagaimana etika media sosial dari perspektif Islam. Kaedah penulisan menggunakan kajian literatur dengan merujuk kepada beberapa sumber rujukan, baik sumber primer mahupun sumber sekunder yang bersumberkan beberapa kitab, al-Quran, al-Hadith, dan jurnal.

Seterusnya, Nugraha M. S., Kurniadin Maskar D., & Rohayani A. (2023) memberitahu kepada kita di dalam karya mereka yang bertajuk “Islamic Ethical Concepts Relevant to Digital Technology” bahawa mereka menjadikan artikel mereka untuk meneroka hubungan antara etika Islam dan teknologi digital dengan menyiasat penerapan prinsip etika Islam dalam

penggunaan teknologi. Soalan utama termasuk pandangan Islam tentang privasi, keselamatan data dan hak harta intelek dalam konteks teknologi digital, serta tanggungjawab sosial dan etika dalam komunikasi digital. Kajian literatur mengenai konsep etika Islam yang berkaitan dengan teknologi digital telah dijalankan menggunakan pendekatan pelbagai disiplin. Artikel yang mereka tuliskan adalah untuk menjelaskan dan memahami perspektif Islam dalam konteks teknologi dengan mengintegrasikan prinsip etika Islam dengan perkembangan terkini dalam bidang teknologi digital.

Definisi Teknologi.

Istilah teknologi selalunya berkait rapat dengan rekaan dan gadget menggunakan prinsip sains dan proses terkini. Namun, rekaan lama seperti tayar masih menunjukkan teknologi.

Maksud yang kedua digunakan dalam bidang ekonomi, yang mana teknologi dilihat sebagai tahap pengetahuan semasa dalam menggabungkan sumber bagi menghasilkan produk yang dikehendaki. Oleh itu, teknologi akan berubah apabila pengetahuan teknikal kita berubah.

Definisi Al-Quran.

Quran ialah kitab suci yang paling utama bagi umat Islam yang diimani sebagai wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad melalui perantaraan Malaikat Jibril. Kitab ini terbahagi kepada 114 bab atau "surah" (jamak.: سور suwar, mufrad.: سورة sūrah) yang terdiri daripada ayat-ayat (jamak.: آيات 'āyāt, mufrad.: آية 'āyah). Selain sebagai kitab suci paling utama bagi umat Islam, kitab al-Quran juga diiktiraf sebagai teks kesusasteraan paling disanjung ketulenan bahasa dan gaya penulisannya dalam bidang kesusasteraan Bahasa Arab dan sangat berpengaruh dalam membentuk pertumbuhan bidang tersebut.

Definisi As-Sunnah.

Dalam istilah Sunah Waljamaah, menurut para ahli hadis, Sunah adalah segala sesuatu yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW yang merupakan perbuatan, ketetapan, peribadi, akhlak, mahupun perilaku, sesudah dilantik menjadi Rasul. Dalam hal ini, amalan Sunnah menurut mereka adalah perbuatan Nabi Muhammad SAW untuk memenuhi kehendak Allah di dalam Quran (Mushtafa as-Sibai, "As Sunnah wa Makanatuha Fit-Tasyri'il Islami"). Sunnah ini disampaikan melalui persetujuan para sahabat Nabi Muhammad SAW.

Dapatan Kajian

Penggunaan Teknologi dalam Penyebaran Ilmu Quran dan Sunnah

Penggunaan teknologi dalam penyebaran ilmu Quran dan Sunnah telah membawa perubahan signifikan dalam cara ajaran agama disampaikan dan diakses oleh masyarakat.

1) Akses yang luas dan mudah

Penggunaan teknologi dalam menyebarkan ilmu Quran dan Sunnah dapat memberikan manfaat kepada penuntut ilmu dan masyarakat kerana akses untuk mempelajarinya sangat luas dan mudah. Dengan pelbagai aplikasi telefon dan komputer, masyarakat dapat mengakses Al-Quran dan Hadith digital serta bahan pembelajarannya dengan mudah. Laman web- laman web yang berautoriti dan rasmi juga dapat memberikan pengisian agama dan jawapan kepada penuntut ilmu untuk mengetahui sesuatu hukum dan fatwa tertentu. Contohnya laman web muftiwp.gov.my membuka sesi soal jawab dan jawapan yang diberikan sangat baik dan munasabah serta diletakkan sumbernya sebagai rujukan kepada masyarakat. Dengan itu, penggunaan teknologi akan dapat melahirkan masyarakat dan bangsa yang mahir dan rajin mengkaji.

2) Penyebaran melalui Media Sosial

Selain itu, penggunaan media sosial sangat penting pada masa kini dan masyarakat tidak dapat lari daripada menggunakan ia untuk mengetahui hal dan isu-isu semasa. Antara aplikasi media sosial popular seperti TikTok, Instagram, Facebook, Twitter dan sebagainya dapat memberikan impak yang besar dan signifikan kepada umat Islam jika digunakan dengan sebaik mungkin. Platform media sosial dianggap hari ini sebagai sumber utama untuk mendapatkan dan menyebarkan sebarang jenis maklumat. Oleh itu setiap Muslim hendaklah menguasai pengetahuan Teknologi Maklumat Komunikasi (ICT) sebagai senjata utama untuk menempuhi dan memperoleh kejayaan dalam medan dakwah pada zaman moden kini (Jusoh & Kamaruzaman, 2009).

3) Pemanfaatan Kandungan Multimedia Interaktif

Seterusnya, penggunaan kandungan multimedia boleh dimanfaatkan oleh pendakwah atau tenaga pengajar dalam menyebarkan ilmu Quran dan Sunnah secara kreatif. Multimedia adalah suatu proses komunikasi interaktif berasaskan komputer yang merangkumi penggunaan media audio visual seperti teks, grafik, audio, video dan animasi (Siti Zulaidah, 2017). Dari sudut teknikal sistem kerja teknologi, ini membantu para pendakwah, sebagai contoh, dengan mengumpul kandungan dakwah kemudian menjadikan kandungan tersebut dalam bentuk visual supaya lebih menarik dan mudah dipelajari dengan video audiolingual (Azlan, 2020). Dari sudut yang lain, berdakwah dengan media sosial ini menjadikan pendakwah bebas dan mempunyai fleksibiliti, di mana seorang pendakwah tidak perlu tampil dalam forum besar, masjid, atau lapangan, tetapi dakwah ini boleh dilakukan dengan mudah secara bebas dengan cara mereka di studio (Ghannam, 2011). Kemudian dikongsi di pelbagai platform agar ilmu tersebut sampai kepada masyarakat.

Platform Pembelajaran Quran dan Sunnah secara dalam Talian

Penggunaan teknologi untuk tujuan pendidikan dan pembelajaran telah melonjak dengan drastik sejak kewujudan wabak covid-19. Hal ini menyebabkan para pensyarah, guru, warga

pendidik dan pelajar perlu beradaptasi dengan teknologi untuk meneruskan sesi pembelajaran. Dengan kewujudan platform seperti google meet, microsoft team, zoom, dan sebagainya menjadikan penyebaran ilmu Quran dan Sunnah lebih fleksibel kerana kelas boleh dijalankan secara maya walaupun berada ditempat yang berasingan. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan ke atas pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mengambil kursus hafazan Al-Quran, majoriti mengatakan penggunaan medium teknologi menjadikan kursus lebih mudah dan fleksibel. Akan tetapi, yang menjadi kekangan utama adalah capaian internet yang baik. Justeru itu, penyediaan capaian internet yang baik perlulah ditingkatkan oleh Kerajaan agar memastikan penggunaan teknologi semakin cemerlang. (Hayati Hussin, Abd. Rahman Abd. Ghani, Abdul Rahim Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, & Noor Hafizah Haridi, 2022).

Selain itu, platform dan laman web di internet banyak menyediakan dan memberikan maklumat berkaitan ilmu agama kepada penuntut ilmu hanya di hujung jari. Masyarakat boleh melayari laman web yang kebanyakannya percuma pada bila-bila masa untuk mendapatkan ilmu. Sebagai contoh, bayyinah.com menyediakan tujuh metodologi utama pembelajaran iaitu pembelajaran abjad Arab, penjelasan dengan nahu, penjelasan dengan grafik, penjelasan dengan contoh, tutorial, imej al-Quran, dan dialog al-Quran (Hazwani Abdullah, 2019). Ini menjadikan proses pembelajaran Al-Quran lebih menarik, menyeronokkan untuk diterokai, dan mengikuti trend terkini masyarakat pada masa kini. Pembelajaran secara bertahap iaitu bagi pemula, sederhana dan pakar juga diterapkan mengikut kesesuaian mereka. Proses inovasi ini menjadikan penyebaran ilmu Quran dan Sunnah lebih mudah dan cepat.

Dalam penulisan Norliza Hussin (2003) menyatakan bahawa penggunaan internet dan aplikasi web memberikan kemudahan kepada pelajar dan guru. Selain itu, penggunaan laman web juga membolehkan guru untuk mengawasi atau menyelia aktiviti yang dilakukan oleh pelajar semasa proses pembelajaran sedang berlangsung. Bertepatan dengan pandangan Norazah & Ngau Chai Hong (2009) yang mengakui bahawa penggunaan teknologi memberikan implikasi baru yang lebih efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta memberikan sumbangan positif terhadap kelancaran dalam sistem pendidikan, termasuk dalam konteks Pendidikan Islam. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi internet, khususnya laman web dan aplikasi web, memainkan peranan penting dalam membawa transformasi dalam pendidikan Islam. Ia memberi impak positif terhadap pengajaran dan pembelajaran dengan menyediakan akses kepada sumber-sumber pembelajaran secara mudah, efisien, dan memberikan ruang kepada guru untuk lebih efektif dalam proses pengajaran.

Media Sosial dalam Dakwah Islam: Keberkesanan, Trend, dan Pembentukan Masyarakat Menurut Al-Quran dan Sunnah

Dapatan kajian oleh Akmal Hadi (2023) berkaitan keberkesanan penggunaan media sosial dalam menyampaikan dakwah berlandaskan Alquran dan Sunnah, memberi implikasi yang penting kepada masyarakat Muslim di seluruh dunia yang semakin bergantung kepada teknologi dalam kehidupan seharian mereka. Dalam kajian ini, ditemui bahawa penggunaan

media sosial sebagai alat penyampaian dakwah mampu memberi impak positif yang besar kepada masyarakat Muslim dalam memahami ajaran agama secara lebih luas dan mendalam.

Selain itu, penggunaan media sosial juga mampu memperluas jangkauan dakwah dengan mencapai lebih banyak orang di seluruh dunia dan membawa keberkatan dan rahmat kepada masyarakat secara meluas. Oleh itu, penggunaan media sosial yang kreatif dan strategik mampu menarik perhatian masyarakat Muslim yang lebih muda dan lebih aktif dalam mengikuti trend terkini, dan membantu mereka mengaplikasikan ajaran Al-Quran dan Sunnah dalam kehidupan seharian mereka.

Seterusnya menerusi Andi Wibowo (2019) dalam jurnalnya yang bertajuk Penggunaan Media Sosial Sebagai Trend Media Dakwah Pendidikan Islam di Era Digital menjelaskan trend dakwah dalam era digital dengan memanfaatkan media sosial. Beliau menyatakan bahawa platform ini telah menarik minat banyak pendakwah untuk menyampaikan dakwah mereka dengan memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh media sosial. Menurut dapatan kajian yang diperolehi, pentingnya media sosial dalam menyampaikan dakwah juga terlihat dari reaksi positif yang diterima dari kelompok sasaran, termasuk santri, mahasiswa, dan alumni. Hal ini menunjukkan bahawa konten dakwah yang disebarkan melalui platform media sosial mampu memberikan nilai pendidikan Islam yang sesuai dengan ajaran Ahlusunnah wal Jama'ah. Oleh itu, media sosial bukan hanya menjadi medium untuk menyampaikan dakwah, tetapi juga dapat berperanan sebagai panduan, motivasi, dan sumber informasi yang bermanfaat dalam kalangan lapisan masyarakat dari berbagai usia dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Akhir sekali, Berdasarkan penulisan jurnal yang berjudul Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam oleh Nuraisyah Syakirin Shahrin (2020) mendapati bahawa kajian ini bertujuan memberikan penerangan dan penjelasan mengenai penggunaan media sosial yang diperkukuhkan dengan beberapa hadis sebagai sokongan hujah dalam konteks pembentukan masyarakat Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa peranan media sosial dalam era teknologi yang sedang berkembang ini memberikan impak yang besar. Dalam kajian tersebut, ditemukan bahawa media sosial memainkan peranan signifikan dalam membentuk masyarakat Islam. Media sosial memberikan ruang kepada masyarakat untuk berinteraksi, dan penglibatan aktif masyarakat dalam penggunaan media sosial mempengaruhi secara besar-besaran pembentukan masyarakat tersebut. Pentingnya media sosial dalam pembentukan masyarakat Islam disokong oleh beberapa hadis yang diutarakan dalam penulisan jurnal tersebut. Hadis-hadis ini memberikan landasan dan justifikasi kepada peranan media sosial dalam membentuk interaksi dan hubungan di kalangan masyarakat Islam. Oleh itu, kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana media sosial menjadi wadah pembentukan masyarakat dalam konteks nilai-nilai Islam dalam era teknologi yang terus berkembang.

Implikasi Penggunaan Media Sosial dalam Dakwah Islam

Mokhtar, M., & Hassan, H. (2021) dalam penulisan mereka berjudul Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam dalam Kalangan Penduduk Kampung Beserah, Kuantan, Pahang menyatakan bahawa kajian mereka yang dilaksanakan ini berdasarkan pengamatan terhadap penggunaan media sosial, sebagai medium dakwah dan penyebarannya secara bebas tanpa kawalan melalui platform media sosial. Mereka mengakui bahawa terdapat keprihatinan terhadap potensi penyebaran maklumat yang tidak terkawal melalui media sosial, yang mungkin mengundang kekeliruan, penipuan, penyebaran ajaran sesat, dan pemahaman ekstremisme. Menurut kajian ini, Masyarakat khususnya bimbang terhadap kesahihan kandungan mesej dakwah yang disampaikan melalui media sosial, dan terdapat ketidakpuasan terhadap kualiti maklumat yang disampaikan. Oleh itu, kajian ini memberikan peluang untuk mengkaji sejauh mana media sosial digunakan sebagai medium dakwah dan apakah implikasi mesej dakwah yang diterima melalui platform ini. Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk menyelidik dan mengenalpasti tahap penggunaan media sosial sebagai medium dakwah di kalangan penduduk Kampung Beserah, Kuantan, Pahang, dan untuk melihat sejauh mana masyarakat merasa yakin dengan kebolehan media sosial dalam menyampaikan mesej dakwah yang berkualiti.

Cabaran dalam Mempelajari Ilmu Quran dan Sunnah di Zaman Teknologi.

Dalam era globalisasi, pelajar boleh mendapatkan ilmu di hujung jari dengan mengakses internet di mana sahaja. Hal ini menjadi cabaran kepada guru yang tidak melengkapkan diri mereka dengan ilmu komunikasi menggunakan teknologi. Ini bermaksud terdapat jurang generasi yang lebar dan luas antara guru dengan pelajar. Dalam usaha mencapai matlamat pendidikan, pengurusan jurang generasi perlu diuruskan dengan baik di dalam bilik darjah untuk memahami perbezaan dan persamaan di antara generasi supaya ia berupaya memberikan kesan positif terhadap cara komunikasi guru yang berkesan malah dapat memupuk motivasi dalam pelajar untuk belajar.

Aliran pemikiran yang salah, kewujudan pelbagai pemikiran moden juga merupakan antara bentuk serangan pemikiran yang boleh merosakkan aspek pemikiran umat. Aspek pemikiran merupakan antara elemen yang memberi pengaruh terhadap tingkahlaku manusia. Manusia akan bertindak mengikut apa yang difikirkan (A.H Tamuri 2017).

Adab dan Etika dalam Penggunaan Teknologi.

Berdasarkan penerangan yang telah diberikan di atas, konsep etika terhadap maklumat digital tidak dapat dipisahkan daripada etika individu terhadap realiti lain yang dihadapinya. Oleh itu, etika terhadap maklumat boleh dirumuskan dalam konteks empat konsep etika, iaitu etika kepada Allah, etika kepada diri sendiri, etika kepada sesama manusia, dan etika kepada maklumat. Dalam hal ini, etika kepada Allah merupakan asas yang paling mendasar, kerana pematuhan terhadap setiap etika pada hakikatnya juga merupakan pematuhan terhadap etika kepada Allah.

Beretika terhadap maklumat bermaksud mengenali dan mengakui bahawa maklumat boleh menjadi pasti benar, mungkin benar, atau mustahil benar. Seseorang yang beretika tahu bagaimana untuk merespon setiap maklumat yang diterima. (Wendi Zarman 2023).

Menyampaikan maklumat dengan betul, tanpa mereka-reka atau memanipulasi fakta, dan menahan diri daripada menyebarkan maklumat tertentu di media sosial jika fakta atau kebenarannya belum diketahui secara pasti. Dalam konteks undang-undang, penghantar maklumat melalui media sosial seharusnya mematuhi prinsip "asas praduga tak bersalah." Prasangka tanpa dasar boleh membahayakan kerana ia boleh merangsang perbuatan buli dan fitnah seseorang. Bagi mencapai kepastian data dan fakta, seorang Muslim sepatutnya menyemak dan menyelidiki kebenaran fakta dengan maklumat awal yang diperolehi untuk mengelakkan ghibah, fitnah, dan tajassus (Juminem 2019).

(Nugraha 2023) Teknologi digital menimbulkan kebimbangan berkenaan privasi dan perlindungan data. Etika Islam menekankan kepentingan menghormati privasi individu dan melindungi maklumat peribadi mereka. Dalam kajian etika Islam, terdapat beberapa prinsip yang relevan untuk membimbing penggunaan teknologi digital secara bertanggungjawab. Salah satu prinsip ini ialah prinsip "amanah" atau kepercayaan. Menurut pandangan Islam, teknologi digital yang digunakan oleh individu sepatutnya dianggap sebagai amanah, dan pengguna perlu bertanggungjawab terhadap penggunaannya, termasuk dalam hal keselamatan data dan privasi.

Dalam Islam, privasi dianggap sebagai hak individu yang harus dihormati. Konsep "sitr" dalam Islam mengajar tentang pentingnya menjaga privasi dan menetapkan batasan-batasan dalam berinteraksi dengan orang lain. Dalam konteks teknologi digital, pandangan ini bermakna bahawa pengguna harus berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi dan memastikan bahawa data peribadi dijaga dengan baik dan tidak disalahgunakan. Islam menekankan pentingnya tanggungjawab sosial dan etika dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam komunikasi digital. Pandangan Islam tentang komunikasi yang baik dan etika berbicara memberikan panduan kepada pengguna teknologi digital untuk berinteraksi dengan orang lain secara sopan, menghindari fitnah, gosip, atau tingkah laku merugikan dan sebagainya.

Kesimpulan

Penggunaan teknologi dalam penyebaran ilmu Quran dan Sunnah telah membawa perubahan signifikan dalam cara ajaran agama disampaikan dan diakses oleh masyarakat. Teknologi memberikan akses yang luas dan mudah kepada sumber-sumber ilmu, seperti Al-Quran dan Hadith digital melalui aplikasi telefon, laman web berwibawa, dan platform media sosial. Ia memungkinkan dakwah yang lebih fleksibel dan menyeluruh, menggalakkan penggunaan kandungan multimedia interaktif bagi menyampaikan pesanan agama secara menarik, dan memberikan ruang kepada platform pendidikan dalam talian untuk memperluaskan akses kepada ilmu Quran dan Sunnah. Walaupun terdapat kelebihan, cabaran seperti jurang generasi dalam penggunaan teknologi dan pentingnya etika dalam penggunaan maklumat digital juga menjadi perhatian dalam konteks pembelajaran dan dakwah Islam.

Rujukan

- Zein, A. (2017). Tafsir Alquran Tentang Akal (Sebuah Tinjauan Tematis). *Jurnal At-Tibyan: Jurnal Ilmu Alqur'an dan Tafsir*, 2(2), 233-245.
- Hajar Hazwani Abdullah (2019). Innovation in Qur'an Learning Through Websites: A Study on Bayyinah.com. *JQSS*.
- Hayati Hussin, Abd. Rahman Abd. Ghani, Abdul Rahim Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, dan Noor Hafizah Haridi (2022). Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Medium Teknologi Dalam Kursus Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. *QIRAAT*.
- Hosni, A., Md Ariffin, M. F., & Ishak, H. (2023). Editorial Notes: Isu Dan Cabaran Chatgpt Terhadap Pengajian Islam [Review of Editorial Notes: Isu Dan Cabaran Chatgpt Terhadap Pengajian Islam]. *Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 08(01), 01.
- Hussin, N. (2017). Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(2).
- Johari Jamal (2022). Berbagi Pengetahuan dan Penggunaan Teknologi Informasi dalam prespektif Islam. *Lathaif*.
- Juminem, J. (2019). Adab Bermedia Sosial Dalam Pandangan Islam. *Geneologi PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 6(1), 23.
- Mohammad Hidayaturrahman dan D.I Ansusa Putra (2019). The Role of Technology and social media in Spreading the Qur'an and Hadiths by Mubalig. *DINIKA*.
- Mokhtar, M., & Hassan, H. (2021). PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM DAKWAH ISLAM DALAM KALANGAN PENDUDUK KAMPUNG BESERAH, KUANTAN, PAHANG. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 41–48.
- Nugraha M. S., Kurniadin Maskar D., & Rohayani A. (2023). Islamic Ethical Concepts Relevant to Digital Technology. *Proceedings of International Conference on Islamic Civilization and Humanities*, 1(1), 106-123.
- Nurul Atiqah Mohd Azlan, Nor Shazni Zainal Abidin, Suhaimee Saahar @ Saabar dan Norasikin Alimom (2020). Spiritualizing New Media: The Use of social media for Da'wah Purposes within Malaysian Muslim. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*.
- Shaharin, N. S., & Jasmi, K. A. Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam. *Jurnal Channel*, 3(2), 1-16.

Sunnah, F. P. Q. D., bin Muhammad Arshad, M. A. F., bin Azman, M. A. A., & Syed, M. D. S. N. B. Keberkesanan Penggunaan Media Sosial Dalam Menyampaikan Dakwah Berlandaskan Alquran & Sunnah.

Tamuri, A. H., & Hussin, N. H. (2017). Cabaran Pendidikan Islam di Era Media Sosial: Challenges of Islamic Education in Social Media Era. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(2), 37-43.

Wibowo, A. (2019). Penggunaan media sosial sebagai trend media dakwah pendidikan islam di era digital. *Jurnal Islam Nusantara*, 3(2), 339-356.

Zarman, W. (2023). Adab terhadap informasi digital sebagai kerangka pikir pendidikan Islam tentang etika penggunaan teknologi informasi. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(5).